



**MARKAS ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
BAHAGIAN RISIKAN DAN KOMUNIKASI STRATEGIK PERTAHANAN**

Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR
E-mel : brksp@mod.gov.my
Web: www.mafhq.mil.my

SIARAN AKHBAR

**KUALA LUMPUR
7 NOVEMBER 2024
(Dikeluarkan pada jam 11.50 malam)**

**INSIDEN LETUPAN BERHAMPIRAN KONVOI PERJALANAN
MALBATT 850-12 DARI BEIRUT KE KEM MARAKAH**

1. ATM mengesahkan bahawa satu insiden letupan telah berlaku pada 7 Nov 24 (Khamis) jam 1.54 tengahari waktu Lubnan atau 7.54 malam waktu Malaysia, berdekatan Stadium Saida, Lubnan ketika pergerakan anggota Malaysian Battalion 850-12 (MALBATT 850-12) dari Beirut ke Kem Marakah.
2. Letupan tersebut telah menyasarkan sebuah kenderaan awam lain yang sedang menghala ke Beirut namun turut mengakibatkan kerosakan pada sebuah bas yang membawa anggota MALBATT 850-12. Akibat kejadian tersebut, seramai enam orang anggota MALBATT 850 mengalami kecederaan iaitu lima anggota melibatkan MALBATT 850-12 mengalami pelbagai cedera ringan termasuk seorang yang mengalami kecederaan di bahagian tangan (*suspected closed fracture left arm*) dan seorang lagi melibatkan anggota MALBATT 850-11 yang juga mengalami cedera ringan.
3. Anggota yang cedera di tangan telah segera dibawa ke Hospital Hamood di Saida untuk mendapatkan rawatan oleh Pegawai Perubatan MALBATT 850-11.
4. ATM akan terus memantau perkembangan situasi ini dengan rapi dan akan memaklumkan sebarang kemas kini berkaitan insiden ini dari masa ke semasa.
5. ATM kekal komited terhadap tahap keselamatan dan kesejahteraan anggota dalam melaksanakan misi pengaman di bawah panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

-TAMAT-

“ANGKATAN MASA HADAPAN : BENTENG PERTAHANAN NEGARA”

